

ORIGINAL ARTICLE

Analisis Elemen Menjana Minda Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu dalam Teks Cerpen Moden Kesusasteraan Melayu Komunikatif

Elavarassan M. Suppiah & Nordiana Hamzah

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.

ABSTRAK – Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu menekankan aspek-aspek penjanaan minda, rohani, dan emosi selaras dengan prinsip Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan pelajar yang holistik. Namun, hasil penelitian mendapati kelomongan dalam kajian literatur mengenai aspek Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu yang berkaitan dengan penjanaan minda. Selain itu, terdapat isu dalam pemilihan, kandungan serta kualiti teks mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif yang boleh menjelaskan nilai karya-karya tersebut, pemikiran serta minat para pelajar. Oleh itu, dua objektif kajian dirangka untuk mengenal pasti elemen menjana minda dan menganalisis kerelevanannya pada teks moden cerpen mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu. Data kualitatif kajian diperolehi menggunakan kaedah kepustakaan dengan mengaplikasikan tiga aspek daripada teori tersebut dalam mengkaji kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan teks-teks cerpen Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Kaedah analisis teks digunakan untuk menganalisis watak dan perwatakan yang dipaparkan dalam sepuluh buah teks cerpen moden mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima. Dapatkan kajian menunjukkan elemen menjana minda khususnya pemikiran kebitaraan lebih banyak diterapkan dalam teks cerpen berbanding pemikiran kesaintifikan dan kekreatifan. Menariknya, empat daripada cerpen tersebut mengandungi ketiga-tiga aspek pemikiran. Ia sekaligus membuktikan kerelevanannya karya-karya ini untuk menjana minda dalam mendokong Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu, dan memupuk potensi pelajar menjadi insan berilmu. Selain daripada mengisi kelomongan yang terdapat dalam literatur, kajian ini mencadangkan beberapa usaha yang dapat membantu pihak yang terlibat dalam penyediaan teks bagi mempertingkat dan mempelbagaikan elemen menjana minda untuk kegunaan masa hadapan.

ARTICLE HISTORY

Received: 2 September 2021

Revised: 13 December 2021

Accepted: 21 December 2021

KEYWORDS

Cerpen

Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Kesusasteraan Melayu Komunikatif

Communicative Malay Literature

National Education Philosophy

Short Story

An Analysis of Malay Literature Education Philosophy Mind Generating Elements in Communicative Malay Literature Modern Short Stories Texts

ABSTRACT – Philosophy of Malay Literature Education emphasises aspects that can generate mind, spirit, and emotions in line with the principles of the National Philosophy of Education to produce holistic students. However, literature review in the area identifies gaps in research on aspects or concepts of the Philosophy of Malay Literature Education related to the generation of students' minds. In addition, there are issues in the selection and content and quality of the educational texts that can affect the value of students' works, thoughts, and interests. Therefore, two research objectives were formed to identify the philosophy mind-generating elements and analyse the relevance of modern short story texts of Form Four and Five Communicative Malay Literature subjects using the Integrated Thinking Theory System. Qualitative data were obtained using the library method by applying three thinking systems of the theory in studying the uniqueness, scientificity, and creativity of 10 short story texts of the subject. A text analysis method was used to analyse the characters and characterisation in the subject's ten modern short story texts. The study's findings revealed the mind-generating element, especially the unique thinking, is more prevalent than scientific and creative thinking. Interestingly, four of the short stories contained all three aspects of thinking. The findings prove the relevance of these short stories to generate students' minds as envisioned in the Philosophy of Malay Literature Education and cultivate students' potential to become knowledgeable human beings. Apart from filling in the gaps in the literature, this study recommends several efforts that can help those involved in developing the texts in enhancing and diversifying other mind-generating elements for future use.

PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 merupakan satu pelan transformasi pendidikan bagi menghadapi cabaran pada abad ke-21 (Sarudin, Janan, Osman & Noor, 2016; Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), 2018). Bagi menghadapi cabaran globalisasi, rakyat Malaysia perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran asas dalam bidang pendidikan serta latihan yang kukuh (Alias, 2017). Ia merupakan usaha untuk melahirkan warganegara yang seimbang dari segi elemen jasmani, emosi, rohani dan intelektual selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Oleh itu, transformasi dalam kurikulum pendidikan kebangsaan yang dilaksanakan oleh KPM perlu dilakukan bagi mencapai kehendak dan tuntutan asal FPK.

Elemen-elemen FPK diterapkan dalam mata pelajaran Jesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Jesusasteraan Melayu (FPKM). FPKM yang digubal menekankan pembinaan modal insan yang berteraskan penjanaan minda, rohani, emosi dan jasmani. Sukatan Pelajaran Jesusasteraan Melayu Sekolah Menengah kali terakhir digubal pada 2003. Sukatan pelajaran ini memerlukan semakan semula supaya selaras dengan matlamat dan aspirasi FPKM (Muhammad Zarif, 2013). Sukatan Pelajaran Jesusasteraan Melayu Sekolah Menengah disemak semula dan dikemas kini pada 2018 dengan menukar namanya kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).


Salah satu elemen asas yang ditekankan dalam mata pelajaran Jesusasteraan Melayu Komunikatif adalah elemen menjana minda yang berkait rapat dengan perkembangan kognitif. Elemen kognitif yang komprehensif perlu dibangunkan bagi memantapkan proses perkembangan pemikiran pelajar (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2018). Elemen ini merupakan asas penting untuk memupuk potensi pelajar untuk menjadi insan berilmu. KPM (2018) menjelaskan bahawa proses penjanaan kecerdasan atau idea (menjana minda) adalah berteraskan unsur ilmu sebenar dan ilmu yang berguna. Zamri (2016) menekankan keperluan murid-murid di Malaysia menguasai kemahiran menjana idea untuk memahami isi kandungan dan penyampaian yang cuba disampaikan oleh pengarang melalui teks. Jika tidak, murid-murid ini akan menghadapi masalah untuk mengutarakan pendapat, berfikir secara kritikal, berinteraksi sesama mereka dan tidak dapat mengenal pasti perkara yang perlu dibincangkan mereka (Mohamed Sin & Ishak, 2017).

Penyataan Masalah

Muhammad Zarif (2013) membawakan isu dalam pemilihan dan kandungan serta kualiti teks pendidikan KMK yang disebabkan oleh pemilihan teks yang tidak bermutu dan mengandungi pengajaran yang negatif. Hal ini, disokong oleh Mohd Affandi (2014) yang mendapati kandungan karya sastera terpilih tidak terarah kepada pemikiran dan kecerdikan, sebaliknya tertumpu kepada elemen ilmu dan nilai yang mengelirukan. Selain itu, teks yang digunakan dalam pendidikan sastera Melayu agak membosankan, sukar difahami, penceritaan tersebut tidak menarik dan menanamkan budaya benci akan Jesusasteraan Melayu (Chew Fong Peng, 2016). Teks jesusasteraan yang dipilih haruslah berkualiti dan sesuai dari sudut pembelajaran dan pengajaran murid-murid di dalam kelas (Zubir, 2013). Karya yang dipilih seharusnya memenuhi kriteria atau unsur-unsur yang dapat menarik minat pelajar untuk menghayati sastera dan bukannya gemar membaca. Ia seharusnya mampu menarik minat murid serta mengaitkan isu-isu semasa untuk diketahui oleh murid.

Kerangka Teoretikal

Teori adalah alat tafsiran serta membolehkan seseorang memahami sesuatu berdasarkan latar belakang pembelajarannya dan membatasi pemahamannya (Ott & Mack, 2019). Kajian ini berlandaskan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K: Kebitaraan, Kesaintifikian dan Kekreatifan untuk menganalisis kandungan teks-teks cerpen. Teori SPB4K dibangunkan oleh Mohd. Yusof Hasan yang merupakan pemikir dan cendekiawan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Teori ini bertunjangkan Falsafah Integrasi Pemikiran dan digunakan sebagai asas deduksi kajian ini dengan mengaplikasikan tiga aspek pemikiran iaitu pemikiran kebitaraan, kesaintifikian dan kekreatifan (Rajah 1).



Rajah 1. Kerangka Teoretikal Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K

Pemikiran Kebitaraan

Pemikiran Kebitaraan bermaksud kemampuan otak manusia untuk berfikir dan membuatkan pendapat atau tindakan selanjutnya. Menurut Mohd Yusof (2007), pemikiran kebitaraan dikaitkan dengan bidang ilmu pengetahuan seseorang manusia hasil kecerdasan minda dan akalnya berfikir. Definisi kata akar ‘bitara’ membawa erti cemerlang, pandai, bestari, mulia dan luar biasa.

Pemikiran Kesaintifikian

Pemikiran Kesaintifikian ialah pemikiran berdasarkan ilmu-ilmu sains kerana otak berfikir dari sudut-sudut saintifik. Menurut Mohd Yusof (2007), seseorang manusia perlu mempunyai pemikiran rasional, logik (mantik), tepat, berdasarkan fakta dan angka. Proses ini merupakan suatu pemikiran yang tersusun dan bersistematik kerana proses pemikirannya tersusun dan terarah berpandukan terma-terma sains dan teknologi.

Pemikiran Kekreatifan

Pemikiran Kekreatifan bermaksud pemikiran yang terancang dan bersistematik berpandukan kaedah saintifik (Mohd Yusof, 2007). Pemikiran Kekreatifan menggunakan otak kanan (Hoka) yang lebih terarah kepada bidang seni, sastera, bahasa, dan pendidikan. Pemikiran ini bersifat produktif kerana kepelbagaiannya idea yang tercetus dapat memudahkan usaha pencarian maklumat tentang sesuatu fakta.

Pemikiran teori ini digunakan kerana ia mempunyai persamaan untuk memenuhi objektif kajian iaitu bagi mengenal pasti elemen FPKM menjana minda serta menganalisis kerelevan teknologi moden cerpen. Elemen FPKM menjana minda ini dikatakan dijelmakan dalam teks Jesusasteraan Melayu Komunikatif murid-murid Tingkatan Empat dan Lima. Namun demikian, adakah elemen ini terdapat dalam teks-teks Jesusasteraan yang murid pelajari dan apa kerelevannya? Justeru, kajian ini dijalankan untuk mencapai dua objektif iaitu untuk

1. mengenal pasti elemen FPKM menjana minda dalam teks moden cerpen mata pelajaran KMK Tingkatan Empat dan Lima dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepada SPB4K
2. menganalisis kerelevan teknologi moden cerpen mata pelajaran Jesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima dengan elemen menjana minda FPKM

Perlu ditekankan, kajian ini dibataskan kepada elemen menjana minda sahaja seperti yang terdapat dalam FPKM dan berlandaskan Teori Sistem Pemikiran Bersepada SPB4K iaitu kebitaraan, kesaintifikian dan kekreatifan untuk menganalisis kandungan teks-teks cerpen.

SOROTAN LITERATUR

Berdasarkan pengamatan kajian literatur ke atas teks Jesusasteraan masih belum dijalankan secara menyeluruh khususnya bagi genre cerpen. Hasil pengamatan daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan FPK dan FPKM, didapati terdapat kelompongan berkaitan kajian terperinci mengenai elemen FPKM dalam teks moden Jesusasteraan Melayu Tingkatan Empat dan Lima khususnya bagi genre cerpen. Muhammad Zarif (2013) mendapati kajian terhadap elemen menjana minda genre Novel Jesusasteraan Melayu telah diberi penekanan dan huraian yang jelas. Manakala, kajian Mohd Firdaus (2017) berkisar mengenai pelaksanaan elemen FPK melalui 366 buah cerita rakyat Melayu telah memperincikan nilai-nilai murni yang terdapat dalam kesemua teks tersebut selaras dengan garis panduan FPK. Kajian ini dijalankan berlandaskan FPK namun, ia berfokus kepada novel dan cerita-cerita rakyat. Kajian ini diharapkan dapat menjadi perintis bagi mengisi kelompongan dalam kajian mata pelajaran Jesusasteraan Melayu yang memberi fokus kepada genre cerpen KMK.

Kebanyakan kajian juga hanya bertumpu kepada elemen kepengarangan dalam cerpen-cerpen terpilih. Shafie (2016) menjalankan satu kajian mengenai cerpen Rindu Seorang Rafik iaitu salah satu cerpen yang digunakan dalam teks mata pelajaran Jesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima, Antologi Kubentang Sehelai Peta. Ia berkisar mengenai autobiografi dalam Adat Perpatih dan Undang-undang: Perspektif Rindu Seorang Rafik. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian ini kerana cerpen yang digunakan dalam kajian ini merupakan salah satu cerpen yang dikaji dalam kajian ini. Ikwan Lubis et al. (2021) pula menyentuh mengenai FPKM namun berbeza dari segi mata pelajaran yang dikaji. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada kajian masa hadapan dan bagi konteks FPKM itu sendiri agar lebih difahami, diinterpretasi dan seterusnya teks-teks bermutu selaras mencapai objektif FPKM dirangka pada masa akan datang.

Terdapat juga kajian menggunakan pendekatan kualitatif dan teori Teori Sistem Pemikiran Bersepada SP4K. Kajian Mohd dan Affendi (2016) yang bertajuk Pemikiran Kerohanian dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan Positif Kepada Kanak-Kanak menggunakan pendekatan kualitatif, kaedah analisis dokumen, cerpen dan teori yang sama. Zain dan Affendi (2019) pula melakukan sebuah kajian bertajuk Unsur Sains dan Sastera dalam novel remaja terpilih untuk mengelaskan elemen-elemen sains dan sastera dalam novel remaja terpilih berdasarkan Teori Sistem Pemikiran Bersepada SP4K. Metodologi kajian ini berbentuk pendekatan kualitatif iaitu kaedah analisis kandungan teks. Kajian-kajian tersebut mempengaruhi kajian ini yang dijalankan menggunakan metodologi yang sama iaitu pendekatan kualitatif, dan menggunakan kaedah analisis teks.

Selain dari itu, kebanyakan kajian yang dijalankan mengenai FPK dan FPKM jarang menyentuh elemen kurikulum. Kajian Mohd Firdaus (2018) berkisar mengenai elemen menjana minda dengan berpandukan FPK dalam cerita-cerita rakyat dahulu kala. Kajian ini mempunyai persamaan dengan kajian ini kerana ia membuktikan masyarakat Melayu

menggunakan daya akal fikiran mereka untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kehidupan seharian (Mohd Firdaus, 2017). Hal ini dapat diperlakukan kepada murid sekolah selaras dengan elemen menjana minda yang terkandung melalui pernyataan FPKM. Mohd Firdaus (2014), juga menjelaskan kandungan pembacaan yang baik dapat mempengaruhi perkembangan minda. Hal ini sekaligus menekankan keperluan kajian khusus untuk mengenal pasti kaedah pengajaran efektif genre cerpen atau kajian untuk menilai teks-teks kesusasteraan cerpen-cerpen yang terkandung dalam mata pelajaran KMK. Oleh itu, kajian ini wajar dan relevan untuk meneliti elemen menjana minda FPKM dalam teks moden cerpen yang mereka pelajari.

Kesimpulannya, kajian-kajian terdahulu membuktikan terdapat kelompongan terutamanya ke atas teks kesusasteraan dalam mata pelajaran KMK menggunakan teori SPB4K. Sewajarnya, kajian yang menggunakan teori SPB4K yang mengutamakan empat pemikiran iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikatan dan kekreatifan sebagai asas pembentukan masyarakat madani perlu diberi penekanan. Walau bagaimanapun, pemikiran kerohanian tidak difokuskan dalam kajian ini kerana ia memerlukan perbincangan yang terperinci di bawah elemen rohani. Pembatasan ini juga berkait dengan fokus kajian iaitu aspek watak dan perwatakan cerpen yang dikaji kerana ia berhubung rapat elemen menjana minda (sistem pemikiran) dalam membentuk keperibadian murid. Oleh itu, kajian ini dijalankan ke atas elemen FPKM dalam teks moden Tingkatan Empat dan Lima menggunakan teori SPB4K sebagai asas deduksi wajar dan relevan dilaksanakan. Usaha ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada kajian masa hadapan dan bagi konteks FPKM itu sendiri agar lebih difahami, diinterpretasi dan seterusnya teks-teks bermutu selaras mencapai objektif FPKM dirangka pada masa akan datang.

METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan berfokus kepada kandungan teks sastera yang dikaji. Rasional pemilihan pendekatan kualitatif dalam kajian ini adalah kerana pendekatan kualitatif bersifat semula jadi dan sangat sesuai untuk mengkaji peristiwa serta fenomena manusia berdasarkan sesuatu teks. Umumnya, terdapat lima kaedah yang digunakan bagi mendapatkan data, iaitu kaedah soal selidik, pemerhatian, temu bual, ujian, dan kaedah analisis dokumen. Menurut Creswell (2016), pendekatan kualitatif ialah suatu kaedah analisis pengalaman yang mempunyai kebenaran yang menyeluruh kerana penyelidik merupakan instrumen utama yang terlibat langsung dalam pengumpulan data. Sehubungan dengan itu, kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat dan kaedah analisis teks untuk menganalisis data.

Sampel

Terdapat pelbagai genre teks moden yang digunakan dalam mata pelajaran KMK, namun, kajian ini hanya akan membataskan penyelidikan kepada genre cerpen. Sepuluh sepuluh buah teks cerpen digunakan sebagai bahan sampel kajian. Sepuluh buah cerpen ini merupakan teks wajib mata pelajaran KMK yang digunakan sebagai asas deduksi penyelidikan ini. Fokus analisis adalah elemen watak dan perwatakan cerpen yang dikaji kerana ia berhubung rapat elemen menjana minda (aspek pemikiran) dalam membentuk keperibadian murid. Pemilihan sampel kajian dilakukan ke atas genre cerpen selepas mendapatkan kelompongan yang terdapat dalam sorotan literatur.

Instrumen

Instrumen kajian merupakan kaedah untuk memperoleh data dalam usaha melakukan sesuatu kajian. Hal ini penting untuk memudahkan untuk melaksanakan kajian dengan berkesan dan mendapatkan data secara terperinci. Instrumen kajian ini dibina sendiri iaitu senarai semak berdasarkan pemerhatian berdasarkan teori. Seterusnya, kaedah analisis dokumen iaitu jurnal, tesis, buku teks, buku-buku ilmiah dan kertas kerja konvensyen. Jadual 1 merupakan contoh analisis teks cerpen berdasarkan teori pemikiran SPB4K menggunakan senarai semak yang dibina. Satu sistem koding telah digunakan di mana M(i)(c)(104) membawa maksud M (menjana minda); i (Pemikiran Pertama: Kebitaraan); c (Cerpen); 104 (muka surat).

Jadual 1. Senarai Semak Analisis Elemen Menjana Minda FPKM Menggunakan Teori Sistem Pemikiran SPB4K dalam Cerpen.

| Petikan daripada Teks Cerpen | Kod | Kategori | Pemikiran |
|---|---------------|------------------------------------|-------------|
| <i>Dia mula faham pada hari kematiannya. Perspektifnya kini kemas. Dia nampak cara seseorang itu berfikir tidak semestinya menggambarkan realiti dalamannya. Perspektif yang berbeza. Realiti yang begitu lain.</i> | M(i)(c)(104) | Cara berfikir | Kebitaraan |
| <i>Aku hanya menyampaikan sesuatu yang benar. Lantas aku tidak pantas berkias dalam bicaraku. Sifat kewartawananku memilih fakta-fakta bila, di mana, siapa, mengapa, bagaimana dan apa dalam menyampaikan berita. Tidak cukup ruang untukku selitkan emosi buat penyedap cerita.</i> | M(iii)(c)(56) | Berfikir secara logik dan rasional | Kekreatifan |

Nota: ii (Pemikiran Kedua: Kesaintifikatan); iii (Pemikiran Ketiga: Kekreatifan)

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berpandukan pernyataan FPKM, salah satu elemen asas yang ditekankan oleh subjek KMK adalah untuk menjana minda. Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2018), pengembangan elemen kognitif yang komprehensif diperlukan untuk meningkatkan proses pengembangan pemikiran murid-murid. Elemen ini dianggap sebagai asas penting dan merupakan asas untuk memupuk potensi murid-murid untuk melahirkan manusia yang berpengetahuan. Dari perspektif FPK, KPM (2018) menjelaskan bahawa proses menjana intelek atau minda didasari oleh elemen ilmu yang benar serta ilmu yang bermanfaat.

Elemen Menjana Minda FPKM Menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K

Jadual 2 jelas memaparkan kehadiran elemen menjana minda dalam keseluruhan cerpen mata pelajaran KMK. Perkara ini membuktikan teks-teks cerpen tersebut menepati kehendak penyataan FPKM.

Jadual 2. Kewujudan Elemen Menjana Minda dalam Teks Moden Cerpen-cerpen Subjek Kesusastraan Melayu Komunikatif.

| 10 Cerpen Mata Pelajaran KMK | | | | | | | | | | | | |
|------------------------------|---------------|--|---|---|---|--|--|---|--|---|---|--|
| | | FPKM | | | | | | | | | | |
| Elemen | Pemikiran | Cerpen 0000000000 (Shahnon Ahmad, 2010) | Cerpen Rindu Seorang Rafik (Nisah Hj. Haron, 2011) | Cerpen Res Judicata (Aidil Khalid, 2011) | Cerpen Namun Itulah Hakikat (Nazel Hashim Mohamad, 2013) | Cerpen Air Mata Dalang (Rahimidin Zahari, 2010) | Cerpen Profesor Sufi (A. Rahmad, 2010): | Cerpen Gulai Sembilang Untuk Abah (Fauziah Mohd. Ismail, 2011) | Cerpen Kami Akan Mati, Lin (Seroja Theavy Balakrishnan, 2003) | Cerpen Perspektif (NF Abdul Manaf, 2005) | Cerpen Bukit Emas (Muifidah Hanum Yusuf, 2009) | |
| Menjana Minda | Kebitaraan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | |
| | Kesaintifikan | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | | | |
| | Kekreatifan | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | |

Kerelevan Tekst Moden Cerpen Mata Pelajaran KMK dalam Menjana Minda

Data analisis terhadap watak dan perwatakan yang dipaparkan dalam 10 buah teks cerpen moden mata pelajaran KMK Tingkatan Empat dan Lima menunjukkan kerelevannya dalam menjana minda (sistem pemikiran) dalam membentuk keperibadian murid. Sebanyak sembilan contoh jelas pemikiran kebitaraan, lima pemikiran kesaintifikan, dan lapan pemikiran kekreatifan dipetik dari 10 cerpen tersebut. Menariknya, empat dari cerpen tersebut (Rindu Seorang Rafik, Res Judicata, Namun Itulah Hakikat, dan Profesor Sufi) mengandungi ketiga-tiga aspek pemikiran yang mampu menjana minda, dan berkemungkinan mempengaruhi keperibadian pelajar untuk menjadi insan yang berilmu seperti yang diaspirasikan oleh FPKM.

Pemikiran Kebitaraan

Pemikiran Kebitaraan bermaksud kemampuan otak manusia untuk berfikir dan membuatkan pendapat atau tindakan yang wajar. Jadual 3 memaparkan deduksi pemikiran ini yang dikaitkan dengan bidang ilmu pengetahuan watak dan perwatakan individu dalam teks menggunakan kecerdasan minda dan akal fikiran dalam menangani isu dan dilema.

Jadual 3. Analisis Watak dan Perwatakan yang Menjana Pemikiran Kebitaraan Cerpen-cerpen Mata Pelajaran KMK.

| Tajuk dan Kod | Petikan dari Cerpen | Analisis Watak dan Perwatakan Menjana Pemikiran |
|----------------------------------|---|---|
| Cerpen 0000000000 M(i)(c)(45) | Aku kadang-kadang ingin tahu lebih awal bagaimana Kreko menggambarkan rambut Dol dengan bahasanya itu. Aku cuba bayangkan juga serba sedikit tetapi sebagai seorang pelukis memang aku ini tak dapat bermain dengan bahasa dengan baiknya. Biarkan. Kelak biar orang ketiga yang menilai karya kami. Apa salahnya kalau Dol sendiri yang menilainya | Bertemakan sifat ego dua orang berlainan bidang yang diceburi dan menjadikan seseorang sebagai taruhan untuk mempertahankan ego mereka. Watak ‘Aku’ (Daiman Kreko) menceburi bidang pelukisan dan ingin bersaing dengan watak lain (Dol) untuk menegakkan kebenaran melalui bidang mereka. Jelas menampakkan pemikiran kebitaraan melalui perwatakan ‘Aku’ yang berfikir dan membuatkan pendapat sebelum bertindak. |

| Tajuk dan Kod | Petikan dari Cerpen | Analisis Watak dan Perwatakan Menjana Pemikiran |
|--|--|---|
| Cerpen Rindu Seorang Rafik M(i)(c)(56) | <i>Barangkali itu yang membezakan kami. Dia orang seni. Pertama kali kami bertemu ketika diperkenalkan oleh Irdha sewaktu menonton dramatari Kunang-kunang Gunung Ledang di Auditorium DBKL. Seawal itu juga kami mempertahankan pandangan peribadi yang berbeza tentang sebuah dramatari yang sama. Aku melihat hasil kerja tangan SN Usman Awang ini dari sudut penulisan. Rosa menelitiinya dari perspektif seni tari. Namun, perbezaan ini saling melengkap.</i> | Bertemakan perasaan rindu seorang sahabat. Watak Rafik Mustakim (Aku) digambarkan mempunyai kemampuan berfikir untuk meluahkan pendapat sehingga berjaya menyelesaikan kekalutan yang dihadapi. |
| Cerpen Res Judicata M(i)(c)(62) | <i>Lelaki itu, dengan segak gaya seorang peguam, menjawab setiap persoalan yang diajukan dengan penuh teratur. "Hubungan antara seseorang yang membeli tiket dengan syarikat yang menawarkan khidmat pengangkutan, sebenarnya adalah tertakluk kepada hubungan kontraktual. Justeru, apabila saya membeli tiket dengan jadual yang telah ditetapkan pada sekian-sekian masa, tetapi KTN gagal menepatiinya, maka mereka telah melakukan pecah kontrak. Lantas sebagai pembeli tiket, saya berhak menyaman rugi."</i> | Mengisahkan keberanian seorang peguam melemparkan rasa ketidakpuasan hati terhadap sistem pengangkutan awam. Watak peguam digambarkan mempunyai kebolehan dalam melontarkan pendapat yang bernes, logik dan tepat berdasarkan pemikirannya untuk menyaman pihak KTN yang tidak memberikan servis perkhidmatan yang baik dirasakan rasional. |
| Cerpen Namun Itulah Hakikat M(i)(c)(69-70) | <i>Aku masih ingat dengan tulang empat keratnya Pak Mid memugar tanah rang itu. Ditebang tebas sebahagian belukar. Dibuatnya parit-parit yang menghala ke sungai. Ditinggikan lagi tanah di bohor yang rang itu. Tiba musim hujan, Pak Mid mula pula menanam anak-anak pokok di situ. Pak Mid tetap menguruskan tanah sawahnya seperti orang lain.</i> | Bertemakan berbakti kepada tanah memaparkan watak Pak Mid yang begitu gigih dan tekun mengusahakan tanaman sawahnya serta berfikiran jauh dengan hasil yang bakal diperoleh untuk jangka masa hadapan. Hal ini menepati konsep kebitaraan iaitu pemikiran Pak Mid yang terarah kepada kegigihan dan kecemerlangan dalam melakukan sesuatu. |
| Cerpen Air Mata Dalang M(i)(c)(76-77) | <i>Sauki, anaknya yang tua sudah lima anaknya, dan bekerja di Kuala Lumpur. Jadi ustaz dekat salah sebuah institusi kerajaan. Anaknya yang nombor dua, Sulida jadi jurutera dengan syarikat minyak di Miri, Sarawak.</i> | Bertemakan kegigihan dalam mempertahankan warisan budaya memaparkan pemikiran kebitaraan watak Pak Yasok yang mempunyai kebolehan untuk berfikir dan berusaha ke arah kecemerlangan pendidikan anak-anak sehingga mereka berjaya menjadi seorang insan yang berguna dan Nora yang mahir serta cekap menuntut ilmu perdalangan Pak Yasok. |
| Cerpen Profesor Sufi M(i)(c)(90) | <i>Anak muda itu meneruskan lagi hujahnya. "Kalau pun ada orang yang mahu melihat atau menilai hasil kajian saya, untuk apa kajian saya itu? Ke mana hendak dibawa kajian saya itu? Atau, lebih jelas lagi, ke mana hasil kajian saya itu mahu membawa manusia? Sebagai seorang manusia, saya lebih berkeinginan untuk menghayati dan mengalami dunia tasawuf itu. Saya tidak mahu bergelumang dengan nafsu amarah.</i> | Mengisahkan perjalanan dan usaha seseorang anak muda dalam mendalami ilmu agama. Pemikiran kebitaraan iaitu kemampuan otak berfikir untuk meluahkan pendapat jelas melalui perwatakan anak muda tersebut yang gigih dalam menuntut ilmu tasawuf. |
| Cerpen Gulai Sembilang untuk Abah M(i)(c)(93) | <i>Aku tidak pernah menyesal kerana menolak tawaran belajar di luar negara dan memilih universiti tempatan untuk menyambung cita-cita menjadi doktor seperti Along. Aku lebih menyesal kalau meninggalkan abah dalam kerinduan dan kesepian. Aku kira aku paling rapat dengan abah. Mungkin kerana aku satu-satunya anak perempuan abah.</i> | Bertemakan kasih sayang antara bapa dengan anak-anaknya. Pemikiran kebitaraan jelas melalui watak Averah yang berfikiran rasional iaitu sanggup mengetepikan cita-citanya demi menjaga abahnya. Averah mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap abahnya yang berkeseorangan selepas kematian ibunya. |

| Tajuk dan Kod | Petikan dari Cerpen | Analisis Watak dan Perwatakan Menjana Pemikiran |
|--------------------------------|---|--|
| Cerpen Perspektif M(i)(c)(104) | <i>Dia mula faham pada hari kematiannya. Perspektifnya kini kemas. Dia nampak cara seseorang itu berfikir tidak semestinya menggambarkan realiti dalamannya. Perspektif yang berbeza. Realiti yang begitu lain.</i> | Memaparkan hak rakyat yang menyuarakan rasa kekecewaan dan ketidakpuasan hati terhadap golongan pemerintah yang tidak menjalankan tanggungjawab dengan betul. Pemikiran kebitaraan dipaparkan melalui watak Serai Wangi, penulis surat layang kepada isteri pemerintah iaitu Sharifah. |
| Cerpen Bukit Emas M(i)(c)(111) | <i>"Minta maaf, YB, Penghulu Sudin tak pernah berbincang tentang Bukit Emas dengan kami. Inilah pertama kali kami mendengar daripada YB bahawa Bukit Emas hendak diruntuhkan."</i> | Bertemakan kecekalan seorang pemuda bernama Sahat yang ingin mempertahankan keindahan alam semula jadi, Bukit Emas yang cuba diruntuhkan dan bakal dijadikan bahan perniagaan. Pemikiran kebitaraan jelas melalui watak Sahat yang mempunyai kemampuan berfikir untuk membuat pertimbangan dan meluahkan pendapat yang rasional. |

Pemikiran Kesaintifikian

Jadual 4 menunjukkan bukti pemikiran kesaintifikian yang berasaskan ilmu-ilmu sains. Watak yang digambarkan dalam cerpen-cerpen tersebut membuktikan pemikiran rasional, logik (mantik), tepat, berdasarkan fakta dan angka. Watak-watak itu juga memaparkan pemikiran yang tersusun dan bersistematik berpandukan terma-terma sains dan teknologi. Berdasarkan watak dan perwatakan yang diceritakan dalam cerpen-cerpen yang dianalisis, pemikiran kesaintifikian dikesan melalui hujahan individu yang objektif dan bersandarkan bukti yang kukuh untuk dipercayai.

Jadual 4. Analisis Watak dan Perwatakan yang Menjana Pemikiran Kesaintifikian Cerpen-cerpen Mata Pelajaran KMK.

| Tajuk dan Kod | Petikan dari Cerpen | Analisis Watak dan Perwatakan Menjana Pemikiran |
|---|--|---|
| Cerpen Rindu Seorang Rafik M(ii)(c)(57) | <i>Kami semakin jauh. Jurang ini mampu dirapatkan oleh kemajuan teknologi. Tetapi seperti kata dalam iklan sebuah syarikat telekomunikasi, "apalah gunanya teknologi jika tidak digunakan."</i> | Banyak memaparkan pemikiran rasional, logik (mantik), tepat, berdasarkan fakta dan angka melalui watak Rafiq Mustakim (Aku) serta terma-terma sains dan teknologi. |
| Cerpen Res Judicata M(ii)(c)(67) | <i>Sebab pagi tadi saya telah pun mendapat panggilan telefon daripada KTN, dan mereka memberitahu ingin memfailkan notis kemasukan serta membuat permohonan di mahkamah untuk melupuskan kes ini di bawah Aturan 18 Kaedah 19 dan Aturan 14A Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 atas alasan tuntutan saman saya kononnya tidak berasas.</i> | Mengandungi pemikiran Kesaintifikian melalui hujahan fakta yang bernes dan tepat yang dikemukakan oleh Peguam. Pemikiran tersebut rasional, logik (mantik), tepat, berdasarkan fakta dan angka serta berpandukan terma-terma sains dan teknologi seperti menurut Mohd Yusof (2007). |
| Cerpen Namun Itulah Hakikatnya M(ii)(c)(70) | <i>..pucuk putat air, pohon cemumar dan beluntas yang boleh dijadikan sebagai ulam. Sementara di sungai itu juga dapat memberi sumber protein seperti ikan dan siput.</i> | Mengandungi pemikiran kesaintifikian jelas dalam beberapa petikan. Pemikiran tersebut fakta dan angka berpandukan terma-terma sains dan teknologi. |
| Cerpen Profesor Sufi M(ii)(c)(83) | <i>Fikirannya sudah bulat. Dia mesti pergi ke Bandar Barus dalam sehari dua ini juga. Bandar Barus atau sekarang ini dipanggil Sibolga. Sibolga bukan sebuah bandar yang sibuk seperti Kota New York. Bukan juga seperti Kota Paris atau London. Bandar Barus atau Sibolga sebuah bandar istimewa dalam erti kata kosmopolitan dari segi fikiran dan kejiwaan. Bandar Barus memang sudah berkuru-kuru wujud.</i> | Menggambarkan pemikiran kesaintifikian yang bersifat fakta iaitu keindahan dan keunikan Bandar Barus. |

| Tajuk dan Kod | Petikan dari Cerpen | Analisis Watak dan Perwatakan Menjana Pemikiran |
|--|---|---|
| Cerpen Kami, Akan Mati Lin M(ii)(c)(97) | <i>Kami warga laut yang hidup di bawah kanopi biru. Di atas putih pasir kami membina koloni indah, sebuah komuniti yang cukup harmonis sejak berjuta-juta tahun. Ke dada butir-butir pasir akar-akar kami menjalar, menusuk perut bumi dan kukuh membina diri agar anak-anak ikan dan polip selamat bermain-main dalam pangkuhan kami. Namun itu dulu, lama dulu. Kini kami cuma mampu mengira arus ombak, menanti mati yang kian hampir. Lidah rakusnya terjulur menitiskan liur beracun ke urat nadi kami tanpa secengkerang simpati. Sejujurnya hidup kami terperangkap dalam jala-jala giris.</i> | Mengisahkan penderitaan hidupan laut terancam akibat perbuatan dan kerakusan manusia yang tidak bertanggungjawab mengakibatkan pencemaran laut. Mempunyai banyak pemikiran kesaintifikian yang berunsur fakta-fakta sains yang tepat dan logik. |

Pemikiran Kekreatifan

Pemikiran kekreatifan yang dikesan dalam cerpen-cerpen yang dianalisis menunjukkan pemikiran yang terancang dan sistematik berpandukan kaedah-kaedah saintifik. Pemikiran kekreatifan watak dan perwatakan yang terkandung dalam cerpen-cerpen ini dikesan bersifat produktif kerana kepelbagaiannya yang tercetus dalam jalan cerita bagi memudahkan usaha pencarian maklumat tentang sesuatu fakta (Jadual 5).

Jadual 5. Analisis Watak dan Perwatakan yang Menjana Pemikiran Kekreatifan Cerpen-cerpen Mata Pelajaran KMK.

| Tajuk dan Kod | Petikan dari Cerpen | Analisis Watak dan Perwatakan Menjana Pemikiran |
|---|---|--|
| Cerpen 00000000000 M(iii)(c)(45) | <i>Aku sendiri tidak pernah berfikir begitu. Benar ada siratan hati dan jiwa dalam garis dan warna tetapi bukan seperti yang dimaksudkan Kreko. Apalah yang dia tahu sangat tentang lukisan, tentang seni halus, kerana dia sebenarnya seorang sasterawan saja. Seorang sasterawan, walaupun bagaimana hebat dan gah sekalipun, hanya pemain bahasa saja. Dan dengan bahasalah pula dia cuba bermain dengan manusia pun, bermain dengan kemanusiaan dan kebinatangan manusia pun. Dia tidak bermain garis seperti aku. Tidak pula bermain warna seperti aku. Dengan garis aku bermain dengan manusia. Dan dengan warna aku bermain dengan manusia dalam 1000 likunya.</i> | Banyak memaparkan pemikiran yang logik, kreatif dan rasional melalui watak ‘Aku.’ |
| Cerpen Rindu Seorang Rafik M(iii)(c)(56) | <i>Aku hanya menyampaikan sesuatu yang benar. Lantas aku tidak pantas berkias dalam bicaraku. Sifat kewartawananku memilih fakta-fakta bila, di mana, siapa, mengapa, bagaimana dan apa dalam menyampaikan berita. Tidak cukup ruang untuk kuselitkan emosi buat penyedap cerita.</i> | Banyak memaparkan pemikiran kekreatifan iaitu logik dan rasional melalui perwatakan Rafik Mustakim (Aku). |
| Cerpen Res Judicata M(iii)(c)(66) | <i>Justeru, tuntutan ganti rugi oleh peguam tersebut sama sekali tidak berasas. Saya tidak faham mengapa seorang peguam yang sudah tujuh tahun beramal sepertinya boleh mengambil langkah menyaman seperti ini. Sama sekali tidak masuk akal."</i> | Mencirikan pemikiran kekreatifan melalui perwatakan peguam yang berfikir secara logik dan rasional. |
| Cerpen Bukit Emas M(iii)(c)(122) | <i>...impian Sahat dan seluruh penduduk Kampung Kuah untuk menyaksikan Bukit Emas terus menghijau dan mempertahankan flora dan faunanya mengatasi keinginan Penghulu Sudin yang berada di penghujung senja.</i> | Menggambarkan pemikiran kekreatifan melalui perwatakan Sahat dan Encik Firdaus (wakil rakyat) yang berfikiran rasional dalam mempertahankan Bukit Emas daripada menjadi bahan perniagaan atas sikap tamak haloba sesetengah manusia. |

| Tajuk dan Kod | Petikan dari Cerpen | Analisis Watak dan Perwatakan Menjana Pemikiran |
|---|---|---|
| Cerpen Namun Itulah Hakikat M(iii)(c)(70) | <i>Tuk Nyan dan beberapa orang di kampung itu mula bertanya itu dan ini tentang pokok yang Pak Mid tanam itu. Apabila mereka dapat bukan pokok buah-buahan, itulah mulanya mereka mengatakan Pak Mid sudah gila. Kata mereka, kalau tanam pokok mempelam, pokok nangka, atau pokok cempedak, boleh juga mendatangkan hasil. Ini pokok hutan yang Pak Mid sibuk tanam. Ketika itu aku juga seperti terpengaruh dengan pendapat orang tua-tua. Masakan tidak, kalau pokok buah-buahan yang ditanam tentu akan mendatangkan hasil dan kami budak-budak boleh tumpang berseronok apabila tiba musim buah.</i> | Memaparkan pemikiran kekreatifan melalui perwatakan Pak Mid yang berfikiran rasional dan menyedari kepentingan mewujudkan hutan simpan kecil dengan menanam tanaman pokok berbanding dengan tanaman-tanaman lain walaupun telah dianggap gila oleh penduduk kampung. Selain itu, Pak Mid juga bijak mengambil peluang, berfikiran rasional dengan memasukkan kemudahan asas seperti bekalan elektrik, air paip, dan telefon di rumahnya dengan wang pampasan yang diberikan kerajaan. Pak Mid berfikiran rasional dengan melantik anak-anak muda sebagai pelapis yang akan menganggotai lembaga masjid. |
| Cerpen Air Mata Dalang M(iii)(c)(77) | <i>Pak Yasok percaya benar kepada petua-petua pendalangan yang dipelajari melalui guru wayangnya, Dalang Tok Ali. Seri Rama mesti dicatkan dengan warna hijau dengan sayap sandang dan berdiri di atas belakang naga, Manakala Laksamana, adik kepada Seri Rama dicatkan dengan warna kuning. Tangan tua Pak Yasok berhenti memahat, tiba-tiba air matanya berkaca. Matanya berasa amat pedih. Patung Bota yang garang dan jahat itu diangkatnya. Dia mengangkatnya untuk melihat garis yang telah ditandakan dengan pensel. Dia akan menebuknya semula.</i> | Memaparkan pemikiran kekreatifan melalui watak Pak Yasok yang mempunyai kemahiran kesenian iaitu ilmu perdalangan serta berfikir secara logik, dan rasional. Pak Yasok merupakan seorang dalang wayang kulit. Pemikiran kekreatifan Pak Yasok terselar apabila beliau berfikiran rasional mempertahankan warisan tersebut daripada hilang ditelan arus kemodenan walaupun menantunya meminta beliau untuk meninggalkan wayang kulit, beliau tekad meneruskan warisan wayang kulit tersebut. |
| Cerpen Profesor Sufi M(iii)(c)(89) | <i>Tapi profesor, saya merasai ada sesuatu kelainan dalam ilmu tasawuf ini yang tidak ada pada ilmu-ilmu lain. Bagi saya, tasawuf membuatkan manusia lebih berkeinginan untuk memanjat tembok makrifat, muhuj menjenguk Arasy ketuhanan.</i> | Jelas menggambarkan pemikiran kekreatifan melalui perwatakan anak muda yang sentiasa berfikiran rasional dalam usaha menuntut ilmu tasawuf. Kesungguhan anak muda ini menyedari kepentingan menuntut ilmu tasawuf. |
| Cerpen Kami Akan Mati, Lin M(iii)(c)(101) | <i>Kautahu Lin, nene moyangmu itu jarang sekali menyakiti kami. Mereka tidak membuang segala-galanya ke laut kerana laut itu segala-galanya bagi mereka. Mereka tidak tamak mengumpul harta yang berlambak-lambak kerana bahagia mereka bukan pada benda-benda itu. Mereka kagum melihat butir-butir pasir pada putih pantai dan indah kulit-kulit siput dalam sinar suria. Pada koloni bunga-bunga karang, mereka melabuhkan sauh kehidupan.</i> | Memaparkan pemikiran kekreatifan melalui gambaran masyarakat dahulu kala yang mempunyai sikap rasional dan bertindak wajar dengan menjaga keindahan flora dan fauna agar tidak pupus dan mendatangkan sebarang bahaya kepada spesies tersebut. |

Hasil analisis ke atas elemen FPKM menjana minda dalam teks moden cerpen mata pelajaran KMK dalam Antologi Kubentang Sehelai Peta dengan menggunakan pakai Teori Sistem Pemikiran Bersepadu SPB4K telah menjawab dan mencapai objektif kajian secara menyeluruh. Kajian dilakukan untuk mengenal pasti kehadiran elemen menjana minda FPKM dalam cerpen *000000000000, Rindu Seorang Rafik, Res Judicata, Namun Itulah Hakikat, Air Mata Dalang, Profesor Sufi, Gulai Sembilang untuk Abah, Kami Akan Mati, Lin, Perspektif, Bukit Emas* memperlihatkan kehadiran elemen-elemen FPKM menjana minda ini secara seimbang dalam karya-karya tersebut.

Dalam usaha memudahkan urusan penganalisisan data, kod-kod analisis telah ditetapkan melalui pengekodan ke atas data mengikut pecahan kategori pemikiran teori. Kebolehpercayaan merujuk kepada kemampuan dan kekreadibilitan data yang dipersembahkan penyelidik dapat disahkan oleh orang lain yang membaca atau mengkaji penemuan yang sama (Hussin, Ali & Noor, 2014). Sehubungan dengan itu, kesahan dan kebolehpercayaan data kajian ini diukur melalui kaedah penentuan kecukupan rujukan, pemeriksaan rakan sebaya (*Peer Review*), ketekunan pemerhatian, dan huraiann rinci. Kajian ini juga mematuhi etika-etika dalam penyelidikan

Hasil analisis kajian ke atas teks-teks moden cerpen memperlihatkan elemen menjana minda secara menyeluruh melalui perwatakan watak yang ada dalam cerpen tersebut. Hal ini membuktikan teks-teks moden cerpen terbabit relevan dan menepati penyataan FPKM. Menurut Mohd Yusof (2007), pemikiran kebitaraan dikaitkan dengan bidang ilmu pengetahuan seseorang manusia hasil kecerdasan minda dan akalnya berfikir dan dikaitkan dengan bidang ilmu

pengetahuan seseorang manusia hasil kecerdasan minda dan akalnya berfikir dinyatakan secara jelas melalui perwatakan-perwatakan cerpen dalam *Antologi Kubentang Sehelai Peta*. Hal ini juga selari dengan pendapat Kasdan dan Jalaluddin (2015) tentang kebitaraan iaitu akal budi yang merujuk pemikiran yang bijaksana serta kehalusan jiwa dan keindahan bahasa dalam melontarkan pendapat. Contohnya, watak-watak seperti Aku dalam cerpen 00000000000 dan Gulai Sembilang Untuk Abah, Peguam dalam Res Judicata, Pak Mid dan Pak Yasok masing-masing dalam Namun Itulah Hakikat dan Air Mata Dalang selari dengan unsur menjana minda dalam FPKM.

Pemikiran Kesaintifikian ialah pemikiran berdasarkan ilmu-ilmu sains kerana otak berfikir dari sudut-sudut saintifik. Dapatkan kajian jelas menunjukkan pemikiran kesaintifikian melalui pemikiran rasional, logik (mantik), tepat, berdasarkan fakta dan angka serta berpandukan terma-terma sains dan teknologi seperti yang terkandung digambarkan melalui watak dan perwatakan teks-teks cerpen mata pelajaran KMK.

Pemikiran Kekreatifan bermaksud pemikiran yang terancang dan bersistematik berpandukan kaedah-kaedah saintifik (Mohd Yusof, 2007). Pemikiran kekreatifan bersifat produktif kerana kepelbagaiannya yang tercetus dapat memudahkan usaha pencarian maklumat tentang sesuatu fakta. Selain itu, pemikiran kekreatifan tidak menolak sebarang idea walaupun ia itu betul ataupun salah. Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa, kehadiran pemikiran kekreatifan dalam cerpen-cerpen mata pelajaran KMK berada dalam keadaan optimum. Nisbah tersebut ialah lapan daripada sepuluh cerpen dan satu daripada dua cerpen mengandungi pemikiran kekreatifan.

Dapatkan kajian jelas memaparkan kehadiran elemen menjana minda dalam keseluruhan cerpen-cerpen mata pelajaran KMK. KPM (2018) menjelaskan bahawa proses menjana intelek atau minda didasari oleh elemen ilmu yang benar serta ilmu yang bermanfaat. Hal-hal seperti ini jelas hadir dalam teks-teks moden tersebut dan membuktikan teks-teks cerpen tersebut menepati kehendak penyataan Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu (FPKM).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa, dapatkan kajian bagi pemikiran kebitaraan seperti menurut Mohd Yusof (2007), yang dikaitkan dengan bidang ilmu pengetahuan seseorang manusia hasil kecerdasan minda dan akalnya berfikir dinyatakan secara jelas melalui perwatakan-perwatakan cerpen dalam *Antologi Kubentang Sehelai Peta*. Hasil analisis juga menunjukkan sembilan daripada sepuluh cerpen mengandungi pemikiran kebitaraan.

Kehadiran pemikiran kesaintifikian dalam cerpen-cerpen mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif berada dalam tahap sederhana iaitu lima daripada sepuluh cerpen mengandungi pemikiran kesaintifikian. Mohd Yusof (2007) menyatakan, seseorang manusia perlu mempunyai pemikiran rasional, logik (mantik), tepat, berdasarkan fakta dan angka. Proses ini merupakan suatu pemikiran yang tersusun dan bersistematik kerana proses pemikirannya tersusun dan terarah berpandukan terma-terma sains dan teknologi.

Selain itu, kehadiran pemikiran kekreatifan dalam cerpen-cerpen mata pelajaran KMK berada dalam keadaan optimum dan hampir keseluruhannya memaparkan pemikiran tersebut. Nisbah tersebut ialah lapan daripada sepuluh cerpen dan satu daripada dua cerpen mengandungi pemikiran kekreatifan. Hal ini membuktikan teks moden cerpen terbabit relevan dan menepati penyataan FPKM serta selari dengan matlamat kurikulum pendidikan di Malaysia.

Implikasi Kajian

Hasil kajian ke atas elemen Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu teks moden iaitu cerpen Tingkatan Empat dan Lima telah membuktikan teks-teks tersebut menepati kehendak dan objektif penyataan FPKM. Kajian ini telah mengisi kelomongan yang terdapat dalam penyelidikan ilmiah berkaitan mata pelajaran KMK di samping dapat memberi gambaran sebenar mengenai kandungan bahan mata pelajaran teks moden Kesusasteraan Melayu Tingkatan Empat dan Lima yang sememangnya menepati penyataan elemen Falsafah Pendidikan Kesusasteraan Melayu. Pemilihan teks yang representatif akan membentuk manfaat yang diharapkan (Zubir, 2013).

Selain itu, usaha untuk memberikan penafsiran kepada elemen-elemen FPKM kurang dijalankan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK). Penzahiran penyataan FPKM dalam kurikulum KMK merupakan suatu usaha baharu dan signifikan (Muhammad Zarif, 2013). Maka kajian ini telah mengenal pasti elemen FPKM menjana minda, dalam teks moden cerpen mata pelajaran Kesusasteraan Melayu Komunikatif Tingkatan Empat dan Lima menggunakan pakai teori. Hal ini penting kepada guru serta bakal pendidik KMK sebagai asas kefahaman dalam merangka pengajaran dan pemudah caraan serta menentukan hala tuju mata pelajaran KMK. Dapatkan kajian akan memudahkan guru KMK untuk meneliti kandungan teks moden yang sesuai diajarkan kepada murid.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah memberi banyak manfaat kepada pelbagai pihak dan membuktikan kerelevan teks-teks moden cerpen mata pelajaran KMK iaitu 00000000000, Rindu Seorang Rafik, Res Judicata, Namun Itulah Hakikat, Air Mata Dalang, Profesor Sufi, Gulai Sembilang untuk Abah, Kami Akan Mati, Lin, Perspektif, Bukit Emas kaya, seimbang dengan pecahan dan penerapan elemen-elemen FPKM iaitu menjana minda, serta menepati penyataan FPKM secara holistik.

Cadangan Kajian Akan Datang

Kajian ke atas elemen FPKM teks moden iaitu cerpen Tingkatan Empat dan Lima, mendapat beberapa kelemahan yang boleh diperbaiki pada masa hadapan untuk meningkatkan mutu dan kualiti bahan kesusasteraan dalam mata pelajaran KMK. Hal ini disebabkan batasan kajian yang tersedia ada memungkinkan dapatkan kajian tidak dapat dilakukan secara menyeluruh dan terperinci. Maka, beberapa cadangan kajian pada masa hadapan sewajarnya diberikan perhatian untuk mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut.

Amnya, terdapat enam elemen asas dalam FPKM iaitu elemen menjana minda, rohani, emosi, jati diri, kebudayaan kebangsaan dan insan bestari (BPK, 2018). Sejajar dengan penyataan FPKM yang masih baru lagi diperkenalkan, kurangnya kajian yang khusus mengenai penyataan FPKM secara jelas dan terperinci. Kajian ini memerlukan penjelasan yang luas jika kesemua elemen FPKM tersebut dikaji, oleh itu kajian ini telah dibataskan kepada satu elemen asas sahaja iaitu menjana minda. Oleh itu, lima lagi elemen asas yang lain perlu dikaji dengan lebih terperinci. Hal ini akan melengkapkan usaha analisis terhadap kerelevenan teks-teks moden mata pelajaran KMK Tingkatan Empat dan Lima dengan lebih komprehensif untuk hasil yang lebih efektif.

Untuk merealisasikan usaha tersebut, KPM perlu bekerjasama dengan pihak-pihak tertentu seperti Dewan Bahasa dan Pustaka serta para penerbit dalam mengadakan kontrak perjanjian dengan penulis agar menghasilkan karya-karya moden mahupun tradisional yang bermutu selaras menepati kehendak FPKM. Penulis-penulis ini wajar dilatih dan dibimbing dari semasa ke semasa untuk mendapatkan input yang berharga daripada mereka. Perkara ini seterusnya dapat membantu mencapai usaha yang dilaksanakan oleh KPM dalam sistem pendidikan membawa pada transformasi yang besar dalam kurikulum pendidikan kebangsaan.

RUJUKAN

- Alias, A.. (2017). Pembangunan penyelidikan fatwa kontemporari dalam menghadapi cabaran globalisasi : satu pendekatan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(3), 9-20.
- Chew F.P. (2016). Masalah Pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Murid Cina Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu JPBM (Malay Language Education Journal MyLEJ)*, 6(2), 10-22.
- Creswell, J. W. (2016). *Research Design: Pendekatan Metode Kualitatif, Kuantitatif dan Campuran. Edisi Keempat (Cetakan Kesatu)*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Hussin, F., Ali, J., & Noor, M. S. Z. (2014). Kaedah penyelidikan & analisis data SPSS. UUM Press.
- Ikwan Lubis S.E., M.M., Lubis, M A., Taib, S.H., MAg, K., Zakaria, I., Nor, M. Y. M., ... & Abdullah, W. A. A. W. (2021). Dasar Falsafah Dan Polisi Pendidikan Bersepadu: Pengalaman Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*. eISSN2600-769X, 4(1), 1-19.
- Kasdan, J., & Jalaluddin, N. H. (2015, September). Unsur asam dan akal budi Melayu: Analisis semantik inkuisitif. In *Dalam Seminar Meja Bulat: Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur* (pp. 1-20).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum: Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Antologi Kesusastraan Melayu Moden Tingkatan 4 dan 5. Antologi Kubentang Sehelai Peta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Sin, N., & Ishak, H. (2017). Menyemai budaya berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. *Proceedings of ICsoTL*: Pusat Bahasa Melayu Singapura.
- Mohd, F. H., & Affendi, N. R. N. M. (2016). Pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, 35-51.
- Mohd. Affandi, H. (2014). *Gagasan Persuratan Baru Edisi Kedua. Edisi Kedua*. Bangi: UKM.
- Mohd Firdaus, C.Y. (2018). Penerapan Konsep Menjana Minda Melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan Terhadap Masyarakat Melayu Dalam Cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Creative Future and Heritage (TENIAT)*, 6(1), 117-134.
- Mohd Firdaus, C.Y. (2017). Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Melalui Cerita-Cerita Rakyat Melayu: Kajian Teks Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia Diselenggara oleh Aripin Said dan Othman Puteh. *Journal of Business and Social Development*, 5(2), 67-74.
- Mohd Firdaus C.Y. (2017). Cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 6, 35-44.
- Mohd Firdaus C.Y. & Normaliza, A.R. (2014). Cerita rakyat membentuk moral positif kanak-kanak melalui nilai murni. *Journal of Business and Social Development*, 2, 74-85.
- Mohd Yusof, H. (2007). *Teori Pendidikan Pemikiran Global*. Tanjung Malim: UPSI.
- Muhammad Zarif, H. @Z. (2013). Kewujudan Falsafah Pendidikan Kesusastraan Melayu Dalam Novel Kesusastraan Melayu Tingkatan 4 dan 5. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Ott, B. L. & Mack, R. L. (2020). *Critical media studies: An introduction*. John Wiley & Sons.
- Sarudin, A., Janan, D., Osman, Z., & Noor, A. K. M. (2016). Penguasaan Bahasa Melayu Kanak-kanak Prasekolah Berdasarkan Inventori Penilaian Kemahiran Terancang. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 4, 93-106.
- Shafie, M. (2016). Autobiografi dalam Adat Perpatih dan undang-undang: Perspektif rindu seorang Rafik. *Geografia Onlinetm Malaysia Journal of Society and Space*, 12(11), 1-15.
- Zain, R. M., & Affendi, N. R. N. M. (2019). Unsur Sains dan Sastera dalam novel remaja terpilih. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 166-182.
- Zamri, M. (2016). Sikap dan kesediaan pelajar sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (Malay Language Education)*, 6(2), 59-67.
- Zubir, S.K.B.M. (2013). Pemilihan Buku Teks Mata Pelajaran Kesusastraan Melayu Berasaskan Teori Sosial. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 4, 25-41.